

## HAK MATERIAL WANITA MUSLIM YANG DICERAIKAN: PENGALAMAN DI THAILAND

*(The Financial Rights of Divorced Muslim Women in Thailand)*

*Mahamatayuding Samah,*  
mahyudin@um.edu.my

*Raihanah Abdullah,*  
raihanah@um.edu.my

*Mohd. Norhusairi Mat Hussin,*  
husairi@um.edu.my

Jabatan Syariah dan Undang-undang,  
Akademi Pengajian Islam,  
Universiti Malaya.

### **Abstrak**

Makalah ini membincangkan hak material wanita Muslim selepas perceraian di tiga wilayah selatan Thailand yang dilaksanakan oleh Majlis Agama Islam Wilayah dan mahkamah kadi melalui Akta Pemakaian Undang-undang Islam 1946 di Wilayah Pattani, Yala, Narathiwat dan Setul. Makalah ini juga menganalisis pemahaman wanita Muslim terhadap tuntutan yang boleh dibuat selepas perceraian seperti mutaah, nafkah idah, mahar dan hadanah yang hanya boleh dilaksanakan jika disertai dengan bukti. Peruntukan yang terdapat dalam akta ini mempunyai persamaan dengan peruntukan undang-undang yang terdapat di Malaysia.

Kata kunci: Majlis Agama Islam Wilayah, mahkamah kadi, hak material, wanita muslim, empat wilayah selatan Thailand

### **Abstract**

*This article analyses the financial rights of divorced Muslim women in three southern provinces of Thailand implemented through the Regional Islamic Religious Council and the Islamic religious courts in Pattani, Yala, Narathiwat and Setul according to the Application of Islamic Law Act, 1946. This study also examines the extent to which Muslim women here know their rights after divorce regarding mutaah (monetary gift), nafkah idah (maintenance after divorce), mahar (dower) and hadanah (child custody) which require*

*proof. The provisions of this act are similar to those of the laws in Malaysia. The study found that there were few claims submitted by women in southern Thailand due to a lack of legal awareness on their financial rights after divorce and suggests that more efforts should be made to educate Muslim women about their financial rights after divorce.*

*Keywords: Regional Islamic Religious Council, kadi courts, financial rights, Muslim women, southern Thailand*

## PENDAHULUAN

Penggubalan Undang-undang Keluarga Islam di kebanyakan negara majoriti penduduk Islam bermula apabila banyak rungutan ketidakadilan terhadap kaum wanita, terutama yang berkaitan dengan hal ehwal kekeluargaan. Keadilan tidak diberikan kepada wanita Islam dalam perkara yang berkaitan dengan poligami, perceraian dan juga hak selepas perceraian. Pada sekitar abad ke-19 Masihi, berlakunya gelombang pembaharuan Undang-undang Keluarga Islam. Undang-undang yang digubal di beberapa negara seperti Mesir, Syria, Jordan dan Iraq pada awal tahun 1950-an telah memperuntukkan keperluan pendaftaran perkahwinan dan perceraian, penetapan had umur minimum perkahwinan bagi lelaki dan wanita, serta mahkamah mempunyai kuasa untuk memberikan kebenaran berpoligami atau bercerai. Kesemua pembaharuan peruntukan Undang-undang Keluarga Islam adalah untuk memastikan wanita Islam tidak teraniya dan hak mereka terbela. Pembaharuan Undang-undang Keluarga Islam bukan sahaja dilaksanakan di negara Islam, bahkan terdapat beberapa negara minoriti Islam yang turut menggubal Undang-undang Keluarga Islam seperti Sri Lanka, Singapura, Filipina dan Thailand.

Dalam konteks ini, Thailand bersikap positif bagi menjamin kesamarataan hak antara suami dengan isteri sejak mula berkahwin dan terus diperkukuh selepas berlaku perceraian. Akta Pemakaian Undang-undang Keluarga Islam B.E. 2489 (1946) di Wilayah Pattani seperti Yala, Narathiwat dan Setul telah dikodifikasikan dengan peruntukan yang membela wanita dari mula berkahwin hinggalah selepas berlaku perceraian.

Hooker M.B. dalam bukunya *Islamic Law in South East Asia*,<sup>1</sup> menjelaskan bahawa sebahagian daripada hukum Islam sudah berjalan pada awal abad ke-19 di Pattani. Begitu juga dengan Scupin<sup>2</sup> yang menjelaskan bahawa pelaksanaan Islam di Thailand dapat dilihat di kampung berteraskan budaya Melayu Islam yang dipengaruhi oleh Malaysia dan Indonesia.

1 Hooker, M. B., 1984. *Islamic Law in South East Asia*. Singapore: Oxford University Press.

2 Scupin, Raymond, "The Politics of Islamic Reformism in Thailand" dlm *Asian Survey* 20, hlm. 1223–235, 12 Disember 1980.

Menurut Faudzinaim<sup>3</sup> Malaysia dan Pattani saling mempengaruhi antara satu dengan yang lain. Keadaan ini dapat dilihat dalam karya Syekh Daud al-Fatani, sumbangan dan kepentingannya dalam pendidikan umat Islam di Nusantara, umumnya dan Pattani, khususnya. Kemasyhuran beliau bukan sahaja mendapat pengiktirafan pada peringkat negara, bahkan pada peringkat antarabangsa sehinggakan nama, latar belakang dan karya beliau dimasukkan ke dalam *Encyclopedia of Islam*.

Setelah hampir 100 tahun usia pembaharuan Undang-undang Keluarga Islam, banyak isu berbangkit kesan pelaksanaan undang-undang tersebut. Wanita masih menghadapi masalah untuk mendapatkan hak mereka meskipun peruntukan yang berkaitan dengan kekeluargaan Islam telah diperbaharu. Sebagai contoh, antara masalah pelaksanaan Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia adalah seperti wanita diceraikan tanpa pengetahuan dan kebenaran mahkamah, penganiayaan dalam perkahwinan poligami, kelewatan pengurusan kes di mahkamah syariah dan wanita tidak mendapat hak yang sewajarnya selepas berlaku perceraian. Isu yang dibangkitkan ini telah mendapat perhatian kerajaan dan akhirnya pada sekitar tahun 2000, Undang-undang Keluarga Islam telah dipinda dengan penambahbaikan beberapa peruntukan yang berkaitan dengan harta sepencarian.

## PEMAKAIAN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM DI TIGA WILAYAH SELATAN THAILAND

Pembatalan pemakaian undang-undang Islam oleh Kerajaan Thailand pada tahun 1943 menjadi sebab utama berlakunya ketegangan dan kekacauan politik di selatan Thailand. Kerajaan Thailand yang diketuai Thamrong Nawasawad<sup>4</sup> menyedari akan kesilapan itu dan mengambil langkah menerapkan semula undang-undang Islam di selatan Thailand. Akta baharu tersebut dinamai “Akta Pemakaian Undang-undang Islam di Wilayah Pattani, Yala, Narathiwat dan Setul B.E. 2489 (1946)”. Akta ini merupakan akta pertama yang diisytiharkan oleh kerajaan sebagai undang-undang Islam di empat wilayah selatan Thailand<sup>5</sup> yang mula dikuatkuasakan pada 19 November 1946. Akta ini mengandungi tujuh seksyen diikuti oleh Akta Mahkamah Keadilan B.E. 2521 (1978).

Sebagai pentafsiran, Akta Mahkamah Keadilan menyatakan syarat kelayakan bagi orang yang akan memegang jawatan Dato’ Yuttitam dan

- 3 Faudzinaim Haji Badaruddin, “Syekh Daud al-Fatani: Riwayat Hidup Pendidikan dan Karya-karyanya” dlm. *Al-Maw’zah* 7, hlm. 37, 1999.
- 4 Beliau dilahirkan pada tahun 1901 dan mendapat pendidikan di Kolej Tentera laut. Beliau merupakan salah seorang daripada pemimpin utama yang terlibat dalam kudeta 1932. Beliau menjadi perdana menteri yang ke-8 dan meninggal dunia pada tahun 1988. Lihat Likhit Tera’ wekin, 1977. *Wiwatnakarn karn Muang*. Bangkok: Samnakfah Mahawityalai Tammasat, hlm. 138-39
- 5 Diisytiharkan pada 19 Mei 1946, B.E. 2489, Rachanukbeksa 633 Torn yang 77.

diikuti Peraturan Kementerian Dalam Negeri. Akta ini mengandungi 230 Artikel yang dibahagikan kepada dua kategori utama, iaitu undang-undang keluarga dan harta pusaka. Kategori undang-undang keluarga dibincangkan secara panjang lebar dan sebahagiannya termasuk apa-apa yang dikenali sebagai hak material wanita yang diceraikan seperti tuntutan mutaah, tuntutan nafkah idah, tuntutan mahar atau mas kahwin dan tuntutan hadanah. Walau bagaimanapun, tuntutan harta sepencarian tidak dibincangkan secara khusus dalam akta ini kerana pembahagian sumbangan dalam harta sepencarian yang diamalkan oleh masyarakat di tiga wilayah selatan Thailand dilaksanakan berdasarkan fatwa tempatan dengan mengambil kira situasi masyarakat. Berdasarkan undang-undang tersebut, antara hak material, wanita Muslim yang diceraikan ialah tuntutan mutaah, tuntutan nafkah idah, tuntutan mas kahwin dan tuntutan hadanah.

## TUNTUTAN MUTAAH

Mutaah berasal daripada bahasa Arab yang diambil daripada perkataan *mata'a* (mengalami sesuatu keistimewaan), *matu'a* (murah hati dan dermawan), *ismtamta'a* (bersuka ria dengan sesuatu) *al-māti'* dan *al-matā'* (sesuatu yang boleh dimanfaatkan).<sup>6</sup> Keistimewaan itu tidak dapat dirasai oleh seseorang, kecuali setelah diberikan oleh seseorang yang teristimewa. Kemurahan hati juga tidak akan terbukti, kecuali setelah banyak memberikan sesuatu kepada orang lain dan apabila banyak memberikan, maka orang yang diberikan pun akan suka dan seterusnya boleh dimanfaatkan. Begitulah gambaran mutaah yang dimaksudkan dan hanya diberikan kepada wanita yang diceraikan suami hasil inisiatifnya sendiri seperti yang disebut dalam *Surah al-Baqarah*, ayat 229 bagi menyenangkan hati isteri yang terluka akibat perceraian.

Mutaah bererti harta yang diberikan oleh suami kepada isteri yang diceraikan.<sup>7</sup> Pemberian ini merupakan tanggungjawab suami<sup>8</sup> dan tidak gugur, kecuali dengan beberapa perkara yang disebut dalam Artikel 142(2). Seseorang isteri yang diceraikan dengan ketiadaan sebab yang patut<sup>9</sup> boleh memohon mutaah kepada mahkamah kadi. Namun, pemberian mutaah tidak dianggap wajib kepada suami sekiranya telah dikira sebagai upah isteri kepada suami untuk melakukan sesuatu sebelum berlakunya perceraian. Walau bagaimanapun, mutaah diwajibkan apabila mas kahwin ditentukan dan perceraian berlaku sebelum sempurna perkahwinan.<sup>10</sup>

6 Muhyi al-Din Yahya bin Syaraf al-Nawawiy, t.th. *Al-Majmu'*. Jilid 16. Mawqī' ya'sūb: Maktabah Masjid al-Nabawiy al-Syarif, hlm. 387; melalui [www.mktaba.org](http://www.mktaba.org) (Capaian pada 10 April 2016).

7 Artikel 142 Lak Kodmai Islam (Asas Undang-undang Islam).

8 Artikel 142 Lak Kodmai Islam (Asas Undang-undang Islam).

9 Perceraian antara suami isteri sebelum ditunaikan mas kahwin sama ada dengan persetujuan suami isteri atau keputusan kadi.

10 Artikel 143(1) Lak Kodmai Islam (Asas Undang-undang Islam).

Mahkamah kadi akan membuat keputusan setelah mendengar hujah daripada kedua-dua belah pihak yang bertengkar sama ada daripada pihak suami atau isteri dan berpuas hati bahawa wanita itu dicerai tanpa sebab yang patut. Jika situasi ini berlaku, suami diperintahkan supaya membayar sejumlah wang tidak lebih daripada setengah harga mas kahwin yang berpatutan<sup>11</sup> atau suami membayar sejumlah wang yang wajar dan patut mengikut hukum syarak.<sup>12</sup> Walau bagaimanapun, mutaah akan gugur<sup>13</sup> apabila isteri murtad, menceraikan isterinya dengan *khul'*, fasakh mengikut artikel 111, suami atau isteri meninggal dunia, dan berlainan agama.

Tuntutan mutaah masyarakat Islam di tiga wilayah selatan Thailand boleh dikatakan tidak ada.<sup>14</sup> Hal ini mungkin disebabkan kefahaman masyarakat Islam di wilayah tersebut bahawa segala-galanya terputus apabila pasangan suami isteri bercerai. Kesannya, bekas suami atau isteri memilih hidup bersendirian kerana dibantu oleh kaum keluarga masing-masing. Ternyata, wanita Muslim di tiga wilayah selatan Thailand tidak memahami hak selepas perceraian dan cara untuk mendapatkan hak tersebut. Oleh sebab itu, kesemua kes diselesaikan dengan cara yang mudah kerana kurangnya tuntutan mutaah di tiga wilayah berkenaan.<sup>15</sup>

Sekiranya tuntutan dibuat menerusi imam kariah, wanita tersebut dikehendaki membawa bersama-sama surat nikah dan surat cerai, serta melalui sesi soal jawab. Antara perkara penting yang perlu diketahui oleh imam tersebut, termasuklah tentang soal persetubuhan dan mas kahwin si isteri. Imam akan mengeluarkan keputusan sekiranya memenuhi syarat dan berpandukan status kedudukan suami isteri, kaya atau miskin, serta keturunan isteri.<sup>16</sup>

Prosedur tuntutan yang diamalkan di tiga wilayah selatan Thailand agak berbeza daripada negara lain seperti Indonesia dan Malaysia. Di Indonesia, mutaah bermaksud pemberian bekas suami kepada bekas isteri yang dijatuhkan talak dan mutaah dalam bentuk benda atau wang.<sup>17</sup> Mutaah merupakan salah satu hak yang diterima oleh isteri setelah terjadinya perceraian.<sup>18</sup> Di Indonesia, mutaah dapat dibahagikan kepada dua bentuk,

11 Artikel 144 Lak Kodmai Islam (Asas Undang-undang Islam).

12 Artikel 99 Lak Kodmai Islam (Asas Undang-undang Islam).

13 Artikel 142(2) Lak Kodmai Islam (Asas Undang-undang Islam).

14 Haji Ahmad Wan Lembut, Timbalan Yang Dipertua Majlis Agama Islam Pattani. Temu bual pada 6 Jun 2007.

15 Mahamatayuding Samah, 2011. "Tuntutan Selepas Perceraian bagi Wanita Islam: Satu Kajian terhadap Amalannya di Tiga Wilayah Selatan Thai". Tesis PhD. Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

16 Mahamatayuding Samah, 2011. "Tuntutan Selepas Perceraian bagi Wanita Islam: Satu Kajian terhadap Amalannya di Tiga Wilayah Selatan Thai". Tesis PhD. Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

17 Kompilasi Hukum Islam (KHI) fasal 1(j).

18 Selain menerima mutaah, isteri yang ditalak juga menerima hak lain daripada suami yang

iaitu mutaah wajib dan mutaah sunat.

Bekas suami wajib memberikan mutaah kepada isteri yang diceraikan dengan syarat mahar belum ditetapkan, isteri ditalak setelah berlakunya persetubuhan dan perceraian berlaku atas kehendak suami.<sup>19</sup> Apabila salah satu daripada tiga syarat mutaah tidak dipenuhi, maka suami sunat memberikan mutaah kepada isteri yang diceraikan.<sup>20</sup> Walau bagaimanapun, mutaah sama ada yang wajib atau yang sunat tidak ditentukan jumlahnya kerana akan ditentukan berdasarkan kemampuan suami.<sup>21</sup>

Di Malaysia pula, ketentuan mutaah diperuntukkan dalam Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 Pindaan 2002 dan juga Enakmen Undang-undang Keluarga Islam di negeri kerana bercerai.<sup>22</sup> Di Wilayah Persekutuan, Negeri Sembilan, Selangor, Perak, Pulau Pinang, Kedah, Terengganu, Sabah dan Sarawak, isteri berhak memperoleh mutaah apabila diceraikan tanpa sebab yang patut oleh suaminya.<sup>23</sup> Manakala, di Kelantan, Melaka, Pahang, Johor, dan Perlis ditentukan bahawa setiap isteri yang diceraikan berhak mendapat mutaah daripada suaminya.<sup>24</sup> Jumlah mutaah yang berpatutan dan wajar akan ditentukan oleh mahkamah syariah.

mentalaknya itu, dalam KHI fasal 149: “Bila mana perkahwinan putus, maka bekas suami wajib: (a) memberikan mutaah yang layak kepada bekas isterinya baik berupa wang atau benda, kecuali bekas isteri tersebut *qabla al-dukhul*; (b) memberikan nafkah, tempat tinggal dan pakaian selama dalam idah, kecuali bekas isteri dijatuhkan talak *bain* atau nusyuz dan dalam keadaan tidak hamil; (c) melunasi mahar yang masih terhutang seluruhnya dan separuh apabila *qabla al-dukhul*; (d) memberikan biaya hadanah untuk anak yang belum mencapai umur 21 tahun”.

- 19 KHI fasal 158: “Mutaah wajib diberikan oleh bekas suami dengan syarat: (a) belum ditetapkan mahar bagi isteri *ba’da al-dukhul*; (b) perceraian itu atas kehendak suami”.
- 20 KHI fasal 159: “Mutaah sunat diberikan oleh bekas suami tanpa syarat tersebut dalam fasal 158”.
- 21 KHI fasal 160: “Besarnya mutaah disesuaikan dengan kepatutan dan kemampuan suami”.
- 22 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Johor) 1990 seksyen 2 dan Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 seksyen 2 yang mendefinisikan mutaah dengan “bayaran sagu hati yang diberikan oleh hukum syarak kepada isteri yang diceraikan”. Begitu juga dengan definisi yang terdapat dalam *Kamus Istilah Undang-undang Keluarga Islam Malaysia* bahawa “Mutaah ialah hadiah atau bayaran sagu hati yang diwajibkan terhadap suami kepada isterinya yang telah diceraikan sebelum bersetubuh pada akad yang tidak sebut mas kahwin”. Lihat Zaleha Kamaruddin dan Raihanah Abdullah, 2002. *Kamus Istilah Undang-undang Keluarga Islam*. Kuala Lumpur: Zebra Edition Sdn. Bhd., hlm. 104.
- 23 Sebagai contoh, Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 seksyen 56: “Selain haknya untuk memohon nafkah, seseorang wanita yang telah diceraikan tanpa sebab yang patut oleh suaminya boleh memohon mutaah atau pemberian sagu hati kepada mahkamah dan mahkamah boleh setelah mendengar pihak itu dan apabila berpuas hati bahawa wanita itu diceraikan tanpa sebab yang patut, memerintahkan suami membayar sejumlah wang yang wajar dan patut mengikut hukum syarak.
- 24 Contoh seperti yang dimuatkan dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kelantan) 2002 seksyen 58: “Selain haknya untuk memohon nafkah, seseorang wanita yang telah diceraikan boleh memohon mutaah atau bayaran sagu hati kepada mahkamah, dan mahkamah boleh selepas mendengar pihak itu memerintahkan suami membayar sejumlah wang yang wajar dan patut mengikut hukum syarak apabila berpuas hati bahawa wanita itu telah diceraikan”.

Dalam kes di Selangor, *Tengku Anum Zaharah lwn Dr. Hussein*,<sup>25</sup> isteri yang diceraikan telah menuntut mutaah. Kadi Besar berpendapat bahawa perceraian yang dilakukan oleh penentang bukanlah atas kehendak penuntut sekalipun pihak menuntut ada membuat pengaduan tetapi pengaduan itu lebih dari setahun yang lalu. Pihak dituntut telah gagal memberikan kenyataan dan bukti keputusan mana-mana mahkamah syariah bahawa pihak yang menuntut disabitkan nusyuz atau pihak yang menuntut telah melakukan kesalahan jenayah Islam seperti berkhawat atau berzina sama ada di dalam wilayah persekutuan atau di dalam negeri Selangor. Maka, kadi besar berpendapat bahawa tuduhan pihak yang dituntut kepada pihak yang menuntut itu ditolak. Dengan itu, pihak yang menuntut berhak mendapat mutaah kerana perceraian sebanyak RM25 200. Oleh sebab itu, tuntutan pihak yang menuntut patut diberikan pertimbangan yang sewajarnya berpandukan firman Allah SWT dalam *Surat al-Ahzab*, ayat 49 yang bermaksud:

“Senangkanlah olehmu hati mereka dengan pemberian dan lepaskan dengan secara baik”.

(*Surah al-Ahzab* 33:49)

## TUNTUTAN NAFKAH IDAH

Terdapat pelbagai pandangan yang diberikan oleh ahli fiqah tentang maksud nafkah. ‘Abidin berpendapat bahawa nafkah ialah “perbelanjaan yang mencakupi makanan, pakaian dan tempat tinggal”.<sup>26</sup> Manakala, al-Syarbiniy berpendapat bahawa nafkah bermaksud “membelanjakan terhadap perkara yang mempunyai kebaikan dan faedah”.<sup>27</sup> Apabila dimasukkan perkataan idah selepas perkataan nafkah, nafkah idah bermaksud “perbelanjaan yang mesti ditanggung oleh suami terhadap isteri yang diceraikan”. Tafsiran al-Syarbiniy ini merupakan tafsiran yang paling sesuai digunakan dalam konteks masyarakat Melayu di Malaysia atau di tiga wilayah selatan Thailand kerana pandangannya merangkumi setiap aspek yang mendatangkan kebaikan kepada isteri, meskipun tidak menafikan pandangan lain yang khusus kepada makanan, pakaian dan tempat tinggal.

Dalam amalan undang-undang Islam di tiga wilayah selatan Thailand,

25 (1980) 3 *JH*, hlm. 125.

26 Ibn ‘Abidin, 1994. *Rad al-Muhtār ‘ala al-Dur al-Muhtār*. Jilid 5. Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, hlm. 277.

27 Muhammad Khatib al-Syabiniy, t.th. *Mughni al-Muhtāj*. Jilid 3. Al-Qāhirah: Dār al-Fikr, hlm. 425.

isteri diberikan hak pengaduan atau tuntutan nafkah (apabila dibiarkan oleh suami) kepada pihak Majlis Agama Islam Wilayah atau di mahkamah sivil. Nafkah isteri dalam apa-apa juga jenis nafkah akan ditetapkan setelah mengambil kira kedudukan suami dan jumlahnya telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak, iaitu suami isteri atau ditetapkan oleh kadi.<sup>28</sup>

Apabila seseorang isteri hendak melaporkan atau mengadu tentang perlakuan suaminya kepada majlis agama Islam, maka dia hendaklah mengikut prosedur tertentu, iaitu mengemukakan surat akuan perkahwinan (surat nikah) dan dua orang saksi yang memperakui kenyataan tersebut. Dua minggu selepas itu, pihak majlis agama Islam akan memanggil suami supaya datang ke majlis agama Islam. Pada minggu ketiga berikutnya, masalah itu akan dibentangkan dalam Lajnah Kecil Ulama<sup>29</sup> untuk dibincangkan. Sekiranya sebarang keputusan tidak dapat dicapai, maka perkara itu akan dibentangkan di Lajnah Besar Ulama.<sup>30</sup>

Isteri juga boleh mengemukakan tuntutan nafkah idah di mahkamah sivil (mahkamah kadi) sekiranya suami tidak memberikan nafkah kepadanya. Mahkamah akan mengeluarkan perintah supaya nafkah itu ditunaikan sehingga tamat tempoh idah mengikut hukum syarak.<sup>31</sup> Suami akan dipastikan bertanggungjawab memberikan nafkah kepada isteri dalam tempoh itu<sup>32</sup> selepas berlaku perceraian.<sup>33</sup> Jika idah itu berpunca daripada kematian suami, isteri diberikan nafkah tempat tinggal sehingga tamat idah atau sehingga bersalin sekiranya mengandung.<sup>34</sup> Selain itu, sekiranya isteri diceraikan dengan talak *raj'i* atau *ba'in* dan mengandung, maka nafkah diperuntukkan mengikut Artikel 23. Sebaliknya, jika isteri diceraikan dengan talak *ba'in* dan tidak mengandung, maka isteri juga akan diperuntukkan nafkah tempat tinggal mengikut Artikel 63(7). Apabila suami meninggal dunia dan isteri masih dalam idah talak *ba'in* dan mengandung, maka si isteri boleh mendapat nafkah daripada harta suaminya sehingga bersalin dan wali pihak suami bertanggungjawab untuk memberikan nafkah tersebut.<sup>35</sup>

Kewajipan memberikan nafkah dari pelbagai aspek akan dikuatkuasakan apabila disabitkan tuntutananya di mahkamah sivil.<sup>36</sup> Walau bagaimanapun,

28 Artikel 63(1), (2) Lak Kodmai Islam (Asas Undang-undang Islam).

29 Sekumpulan kecil ulama yang bertugas sebagai kadi atau pengeluar fatwa di Majlis Agama Islam Wilayah.

30 Sekumpulan besar ulama yang dihadiri oleh ulama dalam wilayah bagi membincangkan sesuatu isu di Majlis Agama Islam Wilayah.

31 Artikel 4 Lak Kodmai Islam (Asas Undang-undang Islam).

32 Peruntukan Bahagian ke-4 Lak Kodmai Islam (Asas Undang-undang Islam).

33 Peruntukan Bahagian 1 Lak Kodmai Islam (Asas Undang-undang Islam).

34 Artikel 162 Lak Kodmai Islam (Asas Undang-undang Islam).

35 Artikel 162 (3) Lak Kodmai Islam (Asas Undang-undang Islam).

36 Artikel 187 Lak Kodmai Islam (Asas Undang-undang Islam).



keputusan akan terbatal jika isteri nusyuz dalam tempoh tersebut.<sup>37</sup> Nafkah tidak diperuntukkan kepada isteri yang diceraikan yang disebabkan oleh nusyuz daripada pihaknya.<sup>38</sup> Begitu juga dalam keadaan lain, hak isteri akan terbatal dengan sendirinya terhadap penerimaan mana-mana pemberian daripada bekas suaminya sama ada mengikut perjanjian atau tidak sebaik-baik sahaja isteri itu berkahwin semula atau tamat tempoh idah. Peruntukan ini berbeza daripada Undang-undang Keluarga Mesir yang memperuntukkan bahawa tuntutan nafkah dalam tempoh idah tidak diterima sekiranya tempoh tersebut terlepas satu tahun daripada tanggal perceraian<sup>39</sup> atau satu tahun setelah suaminya meninggal dunia.<sup>40</sup> Dalam kes suami yang membiarkan isteri tanpa nafkah, pihak majlis agama Islam akan memutuskan bahawa pasangan tersebut sah bercerai seperti yang dilafazkan suami dalam akad dan syarat perkahwinan, sekiranya isteri dapat membuktikan bahawa suaminya telah membiarkannya tanpa memberikan nafkah.

Dalam kes *Norma binti Abdullah lwn Omar bin Haji Othman*,<sup>41</sup> selepas tuntutan diterima oleh pihak Majlis Agama Islam Wilayah, mahkamah mendapati defendan telah meninggalkan isterinya selama sepuluh bulan bermula pada 24 September 1991. Pengakuan defendan menyebabkan jatuhnya satu talak dan suami bertanggungjawab terhadap nafkah idah.

Sementara itu, dalam kes *Nuriah lwn Ma'ripeng Che'leh*<sup>42</sup> pihak plaintif telah memohon kepada Mahkamah Pattani untuk membenarkan talak berdasarkan artikel 92(4) Undang-undang Keluarga Islam tahun 1941 kerana mendakwa bahawa suaminya telah membaca taklik dan menerima syarat taklik (defendan) tidak melaksanakan perkara yang diperintah kerana meninggalkan isteri tanpa peduli sejak enam bulan lalu, serta membiarkan nafkah plaintif dan anaknya. Dato' Yuttitam memutuskan bahawa plaintif berhak mendapat perceraian secara taklik dan defendan diwajibkan menanggung hak plaintif selepas ini setelah diputuskan oleh imam.

Berdasarkan kes yang diputuskan oleh Majlis Agama Islam Wilayah dan juga Mahkamah Sivil Pattani dalam isu nafkah, keputusan mahkamah didapati benar dan berepatan dengan Artikel 92 (4) Undang-undang Keluarga Islam tahun 1941. Namun, Majlis Agama Islam Wilayah dan Mahkamah Sivil Pattani perlu menekankan *al-tasāluh* atau perdamaian antara suami dengan isteri sebelum dijatuhkan hukuman kerana perceraian tidak menyelesaikan masalah. Kaedah penelitian perlu digunakan untuk mengetahui punca suami meninggalkan isteri dalam tempoh yang begitu

37 Artikel 163 Lak Kodmai Islam (Asas Undang-undang Islam).

38 Artikel 163 Lak Kodmai Islam (Asas Undang-undang Islam). Isteri patuh dan taat kepada suami, kecuali perintah itu melanggar hukum Islam.

39 Seksyen 17 Egyptian Family Law (Maintenance), hlm. 1920–929.

40 Seksyen 7 Provisions of Sudanese Circulars No. 41 of 1935.

41 Majlis Agama Islam Wilayah Narathiwat, Kes Taklik, File No: 93/1992.

42 Kes bernombor 288/2542 (1999) difailkan di Mahkamah Pattani.

lama tanpa memberikan nafkah sebelum membuat keputusan. Berdasarkan firman Allah SWT dalam *Surah Fuṣṣilat*, ayat 34, sekiranya ruang perdamaian antara mereka boleh diwujudkan, pasangan tersebut dinasihatkan berbaik semula dan membatalkan hasrat untuk bercerai.

Dalam kes *Yati Yama lwn Setapa Wado*,<sup>43</sup> kedua-duanya telah berkahwin di rumah Tok Guru Haji Ismail Bidil, Mayor, Pattani. Hasil perkahwinan tersebut, mereka memperoleh tiga orang cahaya mata, iaitu Fatimah, Sarifah dan Maryam. Semasa hubungan perkahwinan masih teguh, pihak suami memberikan nafkah kepada isteri setiap bulan dengan jumlah 400 Bath (RM40). Namun, setelah suaminya berpoligami, suami mengabaikan tanggungjawab nafkah isteri yang pertama dan anak. Keadaan ini menyebabkan isteri terus mengadu dan meminta nasihat daripada Tok Guru, serta untuk memohon perceraian. Tok Guru telah membenarkan perceraian pada 24 September B.E. 2512 (1969) seperti yang dinyatakan dalam surat perceraian. Namun, selepas itu, suaminya merujuk kembali dan membayar nafkah tetapi tidak lama kemudian, suaminya terus meninggalkan isteri pertamanya buat kali kedua dan tidak lagi memberikan nafkah kepada isteri dan anaknya selama sembilan bulan dengan anggaran nafkah bernilai 3600 Bath (RM360).

Kes ini dibawa ke Mahkamah Kadi Pattani dan pihak kadi terus membuat penyiasatan dan penelitian, serta membenarkan pendakwa. Pihak Dato'Yuttitam membuat keputusan bahawa suami dikehendaki bertanggungjawab membayar nafkah kepada isteri dan anak mengikut status suami. Fakta membuktikan bahawa suami ialah pekerja ladang, menternak kerbau dan mengeringkan kelapa. Pendapatan bulanan beliau berada pada kadar 200–300 Bath (RM20–RM30). Pihak kadi menentukan dalam jumlah yang berpatutan, iaitu 200 Bath (RM20) sebulan dan menghimpun semuanya berjumlah 2400 Bath (RM24), serta berharap pihak defendan (suami) supaya membayar kepada plaintif (isteri) mengikut jumlah yang ditetapkan.

Keputusan yang dibuat oleh Dato'Yuttitam menepati hukum syarak dengan menetapkan hukum nafkah berdasarkan status suami dan suami menanggung nafkah keluarganya dengan kadar 2/3. Dalam konteks ini, Azhar Abd. Aziz<sup>44</sup> mencadangkan penentuan kadar nafkah isteri dan anak memenuhi aspek makruf apabila suami menanggung 2/3 daripada perbelanjaan nafkah keluarga. Walau bagaimanapun, Dato'Yuttitam perlu membezakan nilai keperluan antara anak yang berlainan peringkat umur antara mereka bertiga bagi mengelakkan ketidakadilan berlaku kepada suami yang miskin ini.

43 Kes bernombor 111/13 difailkan di Mahkamah Pattani.

44 Azhar Abd. Aziz, 2012. "*Amalan Perkongsian Pendapatan antara Suami Isteri dalam Keluarga Islam di Malaysia: Analisis terhadap Sumbangan Isteri Bekerja dalam Perbelanjaan Rumah Tangga*". Tesis PhD. Universiti Malaya, hlm. 266.

Dalam kes *Hasnah Dollah lwn Adison Che'ding @ Ma'nasir Cheding*<sup>45</sup> plaintif dan defendan hidup sebagai suami isteri dan perkahwinan mereka tidak berdaftar. Pada bulan Januari B.E. 2543(1998), defendan telah meninggalkan isteri dan anak, sekali gus tidak memberikan nafkah kepada kedua-duanya. Kes ini dibawa ke mahkamah kadi dan plaintif memfailkan tuntutan terhadap defendan dengan dua tuntutan asas, iaitu pertama, mengakui bahawa anak ini ialah anaknya dan kedua bertanggungjawab memberikan nafkah berjumlah 50 000 Bath (RM5000) bermula pada hari keputusan Mahkamah Kadi. Dalam hal ini, defendan terus membantah tuntutan tersebut dengan menyatakan plaintif pertama bukanlah isterinya dan begitu juga dengan plaintif kedua bukanlah anaknya. Oleh itu, beliau tidak bertanggungjawab untuk memberikan nafkah terhadap mereka. Pihak defendan memohon kepada mahkamah agar membatalkan tuntutan plaintif. Pihak mahkamah meminta kepada plaintif agar membawa saksi ke mahkamah bagi membenarkan pendakwaannya tetapi pihak plaintif gagal membawa saksi dalam tempoh yang ditetapkan undang-undang. Maka Dato' Yuttitam memutuskan kes ini dengan membatalkan tuntutan plaintif dan ditentukan wang pampasan terhadapnya.

Dalam kes ini, didapati Hasnah Dollah dan Adison Che'ding merupakan pasangan suami isteri yang sah mengikut hukum syarak. Hal ini dapat dilihat dari aspek pendakwaan. Sekiranya mereka berdua bukan suami isteri, nescaya permohonannya telah ditolak sejak dari awal lagi. Namun, oleh sebab kekurangan yang dialami oleh plaintif, iaitu tidak mampu mendatangkan saksi dan bukti yang kukuh, maka sudah tentu permohonannya ditolak berdasarkan peruntukan Artikel 12 Lak Kodmai Islam (Asas Undang-undang Islam) 1946.

Dalam kes *Sulaida binti Wamea lwn Ruslan bin Abd. Razak*<sup>46</sup>, plaintif dan defendan hidup sebagai suami isteri lebih kurang dua tahun dan pihak defendan telah membuat perjanjian taklik kepada plaintif seperti yang terkandung dalam surat keterangan nikah. Walau bagaimanapun, kehidupan mereka sebagai suami isteri tidak dapat diteruskan apabila pihak defendan tidak memberikan nafkah kepada plaintif (isteri) sejak setahun lamanya, iaitu bermula pada 21 Tanwakum (Disember) 2551 (2008) sehingga 18 Singhakum (Ogos) 2552 (2009). Pengaduan ini dibenarkan oleh dua orang saksi, iaitu Muhammad bin Yusuf selaku imam kariah dan juga Mahmud bin Wangcik selaku bilal di kampung tersebut. Maka, pihak majlis agama Islam menceraikan plaintif daripada defendan dengan talak satu dan mewajibkan defendan membayar nafkah idah kepada plaintif mengikut jumlah yang ditetapkan oleh mereka berdua.

Meskipun keputusan yang dibuat oleh pihak Majlis Agama Islam Yala

45 Kes bernombor 152/2545(2002) difailkan di Mahkamah Kadi Pattani.

46 Kes bernombor 0613/2552(2009) difailkan di Majlis Agama Islam Yala.

ini betul tetapi nafkah tertanggung selama setahun yang telah diabaikan oleh suami perlu dilihat semula kerana pihak Majlis Agama Islam Yala dilihat hanya mensabitkan tuntutan nafkah idah sahaja tanpa menentukan jumlah yang patut bagi isteri. Pihak majlis juga hanya membiarkan pihak plaintif dan defendan menentukan kadar mereka sendiri tanpa campur tangan atau keputusan daripada majlis agama. Walaupun tindakan majlis agama tersebut dilihat sebagai positif kerana pasangan tersebut boleh menentukan sendiri jumlah nafkah idah dengan kerelaan hati. Namun, keadaan ini menyebabkan bahawa Majlis Agama Islam Yala tidak mempunyai garis panduan yang jelas untuk menyelesaikan kes seperti ini pada masa akan datang.

### TUNTUTAN MAS KAHWIN (MAHAR)

Istilah mahar berasal daripada bahasa Arab *maharā* yang disebut juga sebagai *mahara al-mar'ata*, iaitu ditetapkan kepada wanita akan mas kahwin. Mas kahwin atau mahar kedua-duanya dinamai *ṣadak*.<sup>47</sup> Perkataan *ṣadak* bermaksud sebagai suatu perasaan yang benar-benar mahu untuk berkahwin dan dibuktikan dengan suatu pengorbanan dalam bentuk hadiah untuk wanita sebagai bakal isteri.<sup>48</sup> Kebanyakan hadiah yang diberikan dalam masyarakat Melayu Islam di tiga wilayah selatan Thailand ialah wang, tanah (sama ada sawah, ladang atau kebun), motosikal dan rumah.

Mengikut Akta Pemakaian Undang-undang Islam (1946), mas kahwin<sup>49</sup> ialah harta yang diwajibkan kepada suami untuk isteri disebabkan perkahwinan atau disebabkan persetubuhan. Bagi menjaga kepentingan mas kahwin, dilarang wali menggunakan hak mas kahwin atau mengetepikannya tanpa persetujuan daripada pihak wanita, kecuali wanita itu belum baligh atau dikategorikan dalam golongan bodoh atau tidak punya kelayakan.<sup>50</sup> Dalam kes wanita belum baligh, bodoh dan tidak punya kelayakan, wali boleh menentukan hak dengan jumlah yang rendah. Apabila wanita itu mencapai usia baligh atau sudah cerdik atau mempunyai kelayakan, beliau boleh menuntut mas kahwin tambahan daripada apa-apa yang telah ditetapkan oleh wali pada kadar yang rendah sebelum itu.<sup>51</sup>

Apabila ditentukan mas kahwin sama ada dipersetujui oleh isteri atau dengan keputusan kadi, mahkamah boleh memerintahkan suami agar menyimpan mas kahwin di mahkamah atau diberikan kepada sesiapa yang beramanah. Apabila suami melakukan persetubuhan dengan isteri, maka

47 *Al-Mu'jam al-Wasī*. Jilid 2, hlm. 896; *al-Mu'jam al-Wajīz*, hlm. 593.

48 Muhammad 'Uqlah, 1983. *Nizām al-Ushrah fi al-Islā*. 'Ammān: Maktabah al-Risālah al-Hadithah, hlm. 56.

49 Artikel 129 Lak Kodmai Islam (Asas Undang-undang Islam).

50 Artikel 132 Lak Kodmai Islam (Asas Undang-undang Islam).

51 Artikel 133 Lak Kodmai Islam (Asas Undang-undang Islam).

diserahkan mas kahwin itu kepada pihak isteri. Dalam keadaan suami memberikan sendiri mas kahwin kepada isteri dan isteri reda disetubuhi oleh suami, maka suami tidak berhak meminta mas kahwin kembali, kecuali berlaku perceraian mengikut Artikel 137.

Apabila isteri diceraikan, beliau berhak mendapat semua mas kahwinnya apabila disetubuhi oleh suami, kecuali perceraian yang berlaku secara fasakh mengikut Artikel 111 Lak Kodmai Islam. Isteri berhak mendapatkan semula mas kahwin dalam jumlah yang berpatutan mengikut Artikel 140.<sup>52</sup> Sebaliknya, isteri mendapat setengah daripada mas kahwin apabila tidak berlaku persetubuhan tetapi akan terlucut sepenuhnya daripada isteri apabila berlaku kes seperti yang berikut:

1. Perceraian suami isteri secara fasakh mengikut Artikel 111;
2. Semasa akad nikah isteri telah melepaskan hak mas kahwin atau tidak ditentukan berapakah jumlah yang akan dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak atau penetapannya dengan keputusan mahkamah;
3. Suami tidak mempunyai harta untuk membayar mas kahwin semasa belum berkahwin;
4. Isteri berlaku curang dengan lelaki lain;
5. Isteri murtad.

Sekiranya isteri sudah menerima mas kahwin, maka isteri atau pewaris isteri perlu membahagikan setengah atau mengembalikan kesemuanya kepada suami. Sekiranya mas kahwin digunakan oleh suami, maka hendaklah suami menggantikannya semula.

Mas kahwin juga akan turut terbatal sekiranya perkahwinan terbatal dengan tidak sengaja atau dengan sengaja oleh pihak suami. Pihak isteri diberikan hak untuk menuntut mas kahwin apabila disetubuhi oleh suami dengan sekali tuntutan sahaja, meskipun disetubuhi berkali-kali dalam pelbagai bentuk.<sup>53</sup> Sekiranya disetubuhi dengan anggapan bahawa lelaki yang menyetubuhi itu ialah suami atau berlakunya persetubuhan dalam keadaan lupa, mabuk, gila dan hilang akal, maka lelaki itu perlu dipastikan memberikan mas kahwin kepada wanita itu mengikut bilangan persetubuhan yang dilakukan.<sup>54</sup>

Berdasarkan amalan di tiga wilayah selatan Thailand, mas kahwin diberikan oleh suami kepada isteri semasa perkahwinan berlangsung sama ada berupa wang tunai atau secara berhutang atau berupa sesuatu yang dapat dinilai oleh hukum syarak dengan wang. Penentuan mas kahwin biasanya dibayar oleh pihak lelaki atau wakilnya kepada pihak wanita atau

<sup>52</sup> Jumlah yang berpatutan adalah dengan cara melihat status isteri sama ada dari aspek rupa, umur, akal dan dara atau janda. Arikel 99 Lak Kodmai Islam 1946.

<sup>53</sup> Artikel 138 Lak Kodmai Islam (Asas Undang-undang Islam).

<sup>54</sup> Artikel 139 Lak Kodmai Islam (Asas Undang-undang Islam).

wakilnya di hadapan orang yang mengakad nikah atau imam bersama-sama dengan empat orang saksi. Pendaftar hendaklah menulis maklumat seperti nama mengikut kad pengenalan, alamat tempat tinggal dan mas kahwin atau perbelanjaan dengan terperinci, serta menjelaskan bentuk perbelanjaan supaya didengari oleh kebanyakan orang yang mengikuti majlis akad nikah tersebut.

Dalam kes *Siti Zulaikha Abdulwahab lwn Abdulrahman Harun*,<sup>55</sup> plaintif membuat dakwaan terhadap defendan di Majlis Agama Islam Pattani dalam beberapa perkara yang berkaitan dengan taklik seperti nafkah dan mas kahwin yang tertunggak. Plaintif mendakwa defendan hanya memberikan mas kahwin 10 000 Bath (RM1000) sahaja, manakala yang tertunggak berjumlah 5 057 Bath (RM557) belum lagi ditunaikan daripada jumlah 15 057 Bath. Pihak majlis membuat penelitian dan mengesahkan bahawa dakwaan plaintif benar dan tepat berasaskan dua orang saksi seperti jiran sekampung dan juga imam kariah tempat tinggal mereka berdua. Maka, tertalakkan plaintif daripada suaminya dengan satu talak.

Begitu juga dengan kes *Fairuz Hasan lwn Ma'rawe Salemea*,<sup>56</sup> plaintif membuat dakwaan terhadap defendan di Majlis Agama Islam Pattani berkaitan dengan *halak pajang*<sup>57</sup> tidak tinggal seperti suami isteri melebihi empat bulan dan mas kahwin 30 000 Bath (RM3000) masih belum dibereskan. Dengan ini, pihak plaintif tidak lagi sabar menanggung hidup sengsara lebih-lebih lagi apabila suaminya hanya tinggal bersama selama tiga hari sahaja dan tidak lagi datang mencarinya. Pihak Majlis Agama Islam membuat penelitian dan mengesahkan bahawa perkara tersebut benar dan tepat berdasarkan dua orang saksi yang sanggup memberikan kesaksian seperti keluarga dan imam kariahnya, maka tertalakkan plaintif daripada suaminya pada 2 Januari B.E. 2551 (2008) dengan satu talak.

Seterusnya kes *Nur Hidayah binti Mahmood lwn 'Azmi bin Abd. Lah*<sup>58</sup>, plaintif dan defendan telah dikahwinkan oleh Haji Ibrahim Wan Nawan pada awal bulan September 2009 dan pada 7 Karakedakum (Julai) 2010 di Kampung Chekhil Takbai Narathiwat. Plaintif mengadu kepada Majlis Agama Islam Wilayah Narathiwat bahawa defendan telah mengambil rantai leher dan masih belum membayar mas kahwin sebanyak 3000 Bath (RM300). Pengaduan ini disaksikan oleh dua orang saksi, iaitu Bahrin bin Yahya dan Ahmad Syauki bin Matsik. Pengaduan ini ternyata benar dan mereka tidak lagi tinggal sebagai suami isteri melebihi enam bulan, maka tertalakkan Nur Hidayah binti Mahmood daripada suaminya yang bernama 'Azmi bin Abd. Lah dengan talak satu secara taklik.

55 Kes bernombor (04) 068/2551 (2008) difailkan di Majlis Agama Islam Pattani.

56 Difailkan di Majlis Agama Islam Pattani, tidak berekod.

57 "Bahasa Fatoni yang memberikan maksud langsung tidak mengambil peduli dalam apa-apa juga bentuk pergaulan yang baik," jelas Haji Mustafa Leange, Naib Yang Dipertua Majlis Agama Islam Wilayah Narathiwat. Temu bual pada 6 Ogos 2010.

58 Kes bernombor 09/2553 (2010) difailkan di Majlis Agama Islam Wilayah Narathiwat.

Kes tersebut membuktikan bahawa suami tidak memberikan mas kahwin yang dijanjikan kepada isterinya dengan baik, maka Majlis Agama Islam membuat keputusan menceraikan isteri disebabkan suami tidak memberikan mas kahwin yang dijanjikan kerana mas kahwin merupakan hak mutlak isteri mengikut hukum syarak.<sup>59</sup>

## TUNTUTAN HADANAH

Istilah hadanah banyak dibincangkan oleh ulama menurut dimensi masing-masing. Imam Hanafi memfokuskan penjagaan terhadap kanak-kanak.<sup>60</sup> Imam Malik lebih memberikan tumpuan pada aspek kehidupan seperti bangun tidur dan menjaga kemaslahatan kanak-kanak, termasuk makan minum dan kebersihan,<sup>61</sup> manakala Imam Syafii lebih kepada menjaga dan mendidik orang yang tidak mampu sama ada disebabkan masih kecil atau gila.<sup>62</sup>

Perlindungan dan kebajikan anak-anak memang telah diperuntukkan dalam Lak Kodmai Islam (Asas Undang-undang Islam).<sup>63</sup> Pada dasarnya, Undang-undang Keluarga Islam memperuntukkan bahawa mereka yang berhak<sup>64</sup> untuk menjaga kebajikan anak terdiri daripada mereka yang mempunyai syarat seperti Muslim, berakhlak mulia, berakal waras, bermastautin bersama-sama kanak-kanak, tidak menjadi hamba dan tidak berpenyakit seperti yang diperuntukkan dalam seksyen 111(1).<sup>65</sup> Begitu juga seseorang itu mestilah cerdik, bertanggungjawab, berupaya menjaga dan mengasuh dengan baik, sekiranya orang yang diberikan hak menjaga itu lelaki, maka kanak-kanak di bawah jagaannya dipastikan lelaki dan sebaliknya<sup>66</sup> jika perempuan, maka kanak-kanak di bawah jagaannya dipastikan perempuan.

Oleh itu, ibu ialah orang yang paling berhak daripada mereka yang lain bagi menjaga anak kecilnya semasa dalam perkahwinan dan juga selepas perkahwinan dibubarkan. Dalam konteks ini, ibu tidak dibenarkan menerima upah menjaga anak dalam tempoh lanjutan sama ada perkahwinannya akan diteruskan atau tidak dalam tempoh idah.<sup>67</sup>

Sekiranya ibu tersebut tidak berkahwin atau berkahwin dengan lelaki

59 *Surah al-Nisa'* 4:4.

60 Abd. Rahman Muhammad bin Sulaiman al-Kalibuliy, 1998. *Majma' a al-Anhār fi Syarḥ Multaqa al-Abhar*. Jilid 1. Beirut: Dār Ihyā' al-Kutub al-'Arabiyyah, hlm. 166.

61 al-Dusuqiy, t.th. *Al-Sharḥ al-Kabir*. Jilid 2. Beirut: Dār Ihyā' al-Kutub al-'Arabiyyah, hlm. 526.

62 al-Syarbiniy, 1958. *Mughni al-Muḥtāj*. Jilid 3. Al-Qaherah: Matba'ah Mustafā al-Halabiy, hlm. 452.

63 Fasal 2 Lak Kodmai Islam (Asas Undang-undang Islam).

64 Artikel 169 Lak Kodmai Islam (Asas Undang-undang Islam).

65 Tidak gila dan kulit tidak bertampung.

66 Artikel 169 Lak Kodmai Islam (Asas Undang-undang Islam).

67 Artikel 171 Lak Kodmai Islam (Asas Undang-undang Islam).

yang muhrim dengan anaknya<sup>68</sup> atau hilang kelayakan pada dirinya<sup>69</sup> dengan berkahwin lain<sup>70</sup> atau berpindah ke tempat yang jauh dari tempat anaknya<sup>71</sup> atau tidak sanggup memikul amanah kebajikan ini<sup>72</sup> disebabkan keuzuran atau berpenyakit<sup>73</sup> atau menghilangkan diri daripada anaknya<sup>74</sup> atau meninggal dunia,<sup>75</sup> maka hak itu hendaklah berpindah kepada waris mengikut susunan keutamaan seperti nenek sebelah ibu, bapa, nenek sebelah bapa, kakak atau adik perempuan seibu sebapa, kakak atau adik perempuan seibu, kakak atau adik perempuan sebapa, anak perempuan daripada kakak atau adik perempuan seibu sebapa, anak perempuan daripada kakak atau adik perempuan seibu, anak perempuan daripada kakak atau adik perempuan sebapa atau sesiapa yang boleh mempusakai harta kanak-kanak itu mengikut seksyen 218.

Sekiranya terdapat ramai mereka yang setaraf untuk memikul kebajikan ini, maka undang-undang memperuntukkan<sup>76</sup> bahawa apabila masing-masing bersetuju melaksanakan amanah kebajikan ini hendaklah membuat undian bagi menentukan siapakah yang paling berhak. Sesungguhnya, waris di sebelah ibu lebih berhak daripada sebelah bapa. Namun, sekiranya ibu tersebut sanggup dan bersetuju memikul amanah hadanah, beliau berhak menuntut upah penyusuan sebelum melakukan tugas tersebut atau telah melaporkan kepada pihak tertentu dalam keadaan tidak wujud mana-mana persetujuan antara mereka.<sup>77</sup> Persetujuan boleh sahaja dilakukan terhadap sesuatu barangan tanpa upah hadanah dan penyusuan, tetapi hal ini tidaklah bererti isteri tidak lagi berhak terhadap perkara tersebut. Haknya masih berkekalan sehingga kanak-kanak itu mencapai umur dua tahun bagi penyusuan dan tujuh tahun bagi hadanah.<sup>78</sup>

Walau bagaimanapun, suami berhak memilih ibu susuan lain sekiranya perlu, tetapi ibu susuan tersebut mestilah tidak berpenyakit yang membahayakan kanak-kanak tersebut,<sup>79</sup> kualiti susunya tidak kurang berbanding dengan susu ibu kandungnya,<sup>80</sup> dan kos upahnya lebih rendah berbanding dengan kos mengupah ibu kanak-kanak tersebut.<sup>81</sup> Maka, dalam

68 Artikel 172 (1) Lak Kodmai Islam (Asas Undang-undang Islam).

69 Artikel 172 (2) Lak Kodmai Islam (Asas Undang-undang Islam).

70 Artikel 174 Lak Kodmai Islam (Asas Undang-undang Islam).

71 Artikel 172 (3) Lak Kodmai Islam (Asas Undang-undang Islam).

72 Artikel 172 (4) Lak Kodmai Islam (Asas Undang-undang Islam).

73 Seksyen 55 Lak Kodmai Islam (Asas Undang-undang Islam).

74 Artikel 172 (5) Lak Kodmai Islam (Asas Undang-undang Islam).

75 Artikel 172 (6) Lak Kodmai Islam (Asas Undang-undang Islam).

76 Artikel 173 Lak Kodmai Islam (Asas Undang-undang Islam).

77 Artikel 179 Lak Kodmai Islam (Asas Undang-undang Islam).

78 Artikel 180 Lak Kodmai Islam (Asas Undang-undang Islam).

79 Artikel 180 (1) Lak Kodmai Islam (Asas Undang-undang Islam).

80 Artikel 180 (2) Lak Kodmai Islam (Asas Undang-undang Islam).

81 Artikel 180 (3) Lak Kodmai Islam (Asas Undang-undang Islam).



keadaan seperti ini, isteri tidak mempunyai apa-apa hak untuk meminta upah penyusuan sekiranya memberikan susu kepada anaknya. Sekiranya ibu dan ibu susuan sama-sama bersetuju untuk menyusu kanak-kanak tersebut tanpa meminta upah penyusuan, bahkan suka rela melakukannya, maka penyusuan ibu lebih diutamakan.<sup>82</sup> Upah penyusuan dan upah hadanah boleh dilakukan mengikut persetujuan suami isteri.<sup>83</sup> Sebaliknya jika mereka tidak bersetuju, maka mahkamah akan membuat keputusan dengan mengambil kira kedudukan masing-masing.<sup>84</sup>

Dalam kes *Kiah Ahmad lwn Mat Jusoh Abdul Latif*,<sup>85</sup> plaintif dalam kes ini telah membuat laporan kepada pihak Majlis Agama Islam bahawa suaminya (defendan) telah memukulnya dengan kayu dan tidak memberikan nafkah secukupnya, bahkan membiarkan dan tidak mengambil tahu tentang anak. Plaintif mengadu kepada pihak Majlis Agama Islam Wilayah untuk membubarkan perkahwinan secara *khulu'* dengan sejumlah wang 5000 Bath. Setelah defendan menerima permohonan tersebut, Majlis Agama Islam Wilayah mencadangkan supaya perkahwinan dibubarkan berdasarkan tuntutan isteri.

Seterusnya, kes *Mari-yea Taye' @ Manea lwn Hama' Taye'*<sup>86</sup>. Plaintif telah menuduh dan mendakwa suaminya (defendan) membiarkan beliau dan anaknya dalam tempoh genap dua tahun. Dato' Yuttitam memaklumkan bahawa wanita tersebut berhak meminta cerai daripada suaminya mengikut Artikel 1516(40) Akta Civil dan Commercial Law 1935. Dalam kes ini, plaintif menuntut supaya perkahwinannya dibubarkan melalui taklik berdasarkan lafaz taklik seperti yang terlampirnya dalam sijil perkahwinan yang dikeluarkan oleh Majlis Agama Islam Wilayah. Plaintif telah mendakwa defendan meninggalkannya tanpa memberikan bantuan kepadanya dan anak selama dua tahun. Maka, Dato' Yuttitam memutuskan perceraian pasangan tersebut.

Begitu juga dengan kes *Nuriah Che'lea' lwn Ma'repeng Chelea'*.<sup>87</sup> Pada 8 Mei 2533 (1990), plaintif dan defendan telah berkahwin mengikut undang-undang Islam dan telah membaca taklik yang dilampirkan dalam surat perkahwinan. Hasil perkahwinan tersebut mereka telah mendapat dua orang cahaya mata, iaitu yang pertama bernama Sarina, berumur lima tahun dan yang kedua bernama Sarifah, berumur dua tahun. Oleh sebab hidup pasangan ini tidak secocok dan bermasalah, maka plaintif telah mengadu kepada Majlis Agama Islam Pattani untuk mendapat keputusan. Pihak Majlis Agama Islam terus membuat penyiasatan terhadap pasangan tersebut dan

82 Artikel 182 Lak Kodmai Islam (Asas Undang-undang Islam).

83 Artikel 183 (1) Lak Kodmai Islam (Asas Undang-undang Islam).

84 Artikel 183 (2) Lak Kodmai Islam (Asas Undang-undang Islam).

85 Majlis Agama Islam Wilayah Narathiwat, tidak difailkan.

86 Kes bernombor 215/2544 (2001) difailkan di Mahkamah Yala.

87 Kes bernombor 288/2542 (1999) difailkan di Mahkamah Pattani.

didapati aduan itu memang benar bahawa defendan dan plaintif tidak hidup sebagai suami isteri, bahkan defendan ialah pengedar dan penagih dadah.

Mengikut undang-undang Islam, pasangan tersebut diceraikan setelah terbukti benar pengaduan si isteri. Permasalahan yang timbul ialah defendan tidak memberikan nafkah kepada anak. Kes ini kemudiannya dibawa ke mahkamah kadi bagi mendapatkan keputusan mahkamah. Dalam kes ini Dato' Yuttitam menilai dua perkara asas sebelum membuat keputusan. Pertama, mereka yang berhak menjaga anak tersebut dan kedua, mereka yang bertanggungjawab memberikan nafkah kepada anak itu. Dalam bahagian pertama, Dato' Yuttitam (Apirat Madsa'ie) membuat keputusan bahawa plaintif berhak menjaga kanak-kanak tersebut kerana plaintif seorang ibu dan paling layak memegang amanah ini. Seterusnya, dalam bahagian kedua, iaitu siapakah yang bertanggungjawab membayar nafkah anak. Maka, keputusan dalam bahagian ini jatuh kepada defendan selaku bapa yang mampu dan mempunyai harta untuk membayar nafkah dua anaknya mengikut undang-undang Islam sebanyak 2000 Bath sebulan sehingga mereka berkahwin atau mereka menjadi kaya dan defendan diarahkan membayar kepada peguam dengan 2000 Bath sebagai wakil plaintif.

Dalam kes *Salma binti Zakaria lwn Alif bin Syamsuddin*,<sup>88</sup> pihak suami (defendan) telah mendaftarkan perceraian di hadapan Imam Haji Ahmad Haji Daud, iaitu imam Masjid Miftah al-Jannah Bera Cerang Telubuk Pattani tanpa pengetahuan isterinya. Pihak isteri (plaintif) pula mengadu masalahnya kepada Majlis Agama Islam Wilayah Pattani pada 24 Minakum (Mac) B.E. 2553 (2010) berkaitan dengan nafkah anak dan hadanah anak lelaki yang berumur empat tahun. Pihak Majlis Agama Islam telah mengeluarkan surat perintah kepada defendan supaya datang ke Majlis Agama Islam pada 12 Mesayun (April) 2553 (2010). Dalam menyelesaikan kes ini, pihak Majlis Agama Islam telah berjaya mendapatkan persetujuan antara mereka berdua bahawa defendan bersetuju membiayai pelajaran anak yang masih belajar di pusat asuhan kanak-kanak sebanyak 2000 Bath sebulan. Manakala, dalam hal hadanah anak, mereka bersetuju bahawa anak tinggal bersama-sama ibu dan pihak defendan boleh mengambil anak satu malam atau dua malam dalam tempoh yang lama.

Daripada kes tersebut, didapati keputusan yang dibuat oleh Majlis Agama Islam Wilayah dan mahkamah berbeza. Dalam kes *Kiah Ahmad lwn Mat Jusoh Abdul Latif dan Mari-yea Taye' @ Manea lwn Hama' Taye'*, Majlis Agama Islam Wilayah mencadangkan pasangan tersebut bercerai. Sementara itu, dalam kes *Nuriah Che'lea' lwn Ma'repeng Chelea'* dan *Salma binti Zakaria lwn Alif bin Syamsuddin*, Mahkamah Sivil Yala dan Pattani membuat keputusan dengan memperuntukkan sejumlah wang sebagai

88 Kes bernombor (05) 021/2553 (2010) difailkan di Majlis Agama Islam Pattani.

wang hadanah. Dalam kes yang pertama dan kedua keputusan memang sah mengikut hukum syarak kerana adanya taklik tetapi keputusan tersebut tidak memberikan kesan sosial yang positif terhadap anak yang memerlukan bantuan kewangan bagi menjalani hidup seharian. Manakala, bagi kes ketiga dan keempat, keputusan yang dibuat oleh pihak mahkamah tepat dan betul kerana dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh anak.

### **TUNTUTAN HARTA SEPENCARIAN**

Harta atau *al-Māl* dalam bahasa Arab bermaksud “segala yang dimiliki”.<sup>89</sup> Ibn al-Athīr berpendapat “harta pada asalnya ialah apa-apa yang dimiliki daripada jenis emas, perak dan diperluas kepada semua benda yang dimiliki, termasuk juga unta kerana masyarakat Arab pada masa itu memiliki unta”.<sup>90</sup> Manakala, istilah sepencarian menunjukkan usaha bersama atau carian bersama, iaitu keadaan tersebut terpakai dalam kes tuntutan seorang isteri yang diceraiakan suaminya semasa suaminya masih hidup atau lebih tepat lagi pada masa perceraian atas usaha yang disumbangkan dalam tempoh perkahwinan.<sup>91</sup>

Harta sepencarian tidak diperuntukkan dalam Akta Pemakaian Undang-undang Islam di Pattani, Yala, Narathiwat dan Setul 1946 yang digunakan di mahkamah sivil. Namun, harta sepencarian ini dilaksanakan apabila tuntutan dibuat berdasarkan inisiatif Dato’ Yuttitam yang diambil daripada fatwa Syeikh Ahmad Zayn al-Fatani terhadap harta bersama yang dimiliki oleh suami dan isteri dalam tempoh perkahwinan.<sup>92</sup> Konsep amalan pembahagian harta sepencarian di tiga wilayah selatan Thailand sering kali dikaitkan dengan perkongsian hidup dan sumbangan bersama melalui perkahwinan. Konsep ini lebih luas diamalkan kerana mana-mana pihak boleh membuat tuntutan selepas berlaku perceraian sama ada perceraian hidup atau mati. Sebaliknya harta sepencarian ini biasanya tidak berbangkit ketika pasangan masih suami isteri.

Biasanya harta sepencarian sukar disabitkan hak milik masing-masing apabila berlakunya perceraian atau salah seorang daripada pasangan berazam untuk mengekalkan perkahwinan kerana harta yang dimiliki digunakan bersama-sama meskipun harta yang dikumpulkan ialah milik persendirian.

Pada prinsipnya, hak milik salah seorang daripada pasangan sama

89 ‘Abdullah al-Bustāniy, t.th. *Al-Bustāniy Mu’jam al-Lughawiy*. Jilid 2. Lubnan: al-Taba’at al-Thaniyah, hlm. 1333.

90 Jamāl al-Din Muhammad bin Mukram, t.th. *Lisān al-‘Arab*. Jilid 11, hlm. 635–36.

91 Nadzim Abdulrahman, 1983. “Cara-cara Pengendalian Harta Sepencarian di Mahkamah-mahkamah”. Kertas kerja dalam Seminar Fara’id Peringkat Kebangsaan. Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, UKM.

92 Lihat dalam Syeikh Ahmad bin Muhammad Zayn bin Mustafa al-Fatani, 1377H; Jamāl al-Din Muhammad bin Mukram, t.th. *Lisān al-‘Arab*. Jilid 11, hlm. 114.

ada suami atau isteri tetap menjadi milik bersama seperti yang telah diiktiraf oleh al-Quran.<sup>93</sup> Hal ini bermakna hidup bersama dalam tempoh perkahwinan bukanlah secara automatiknya menambah harta bersama, bahkan tidak wujud satu nas pun sama ada dalam al-Quran atau sunah yang membuktikannya. Cuma, penetapan hak tersebut berasaskan usaha gigih dan kerja keras bersama.

Meskipun, tidak dinafikan bahawa wanita dalam masyarakat Melayu Islam di tiga wilayah selatan Thailand banyak berkorban untuk kebahagiaan rumah tangga, sama-sama berganding bahu bekerja dan meneroka tanah bukit bersama-sama suami untuk mendapatkan sebidang tanah. Maka tuntutan harta sepencarian boleh dikemukakan oleh isteri kepada Majlis Agama Islam Wilayah atau mahkamah sivil untuk mendapatkan keputusan. Kebiasaannya, jika tuntutan dibuat kepada Majlis Agama Islam, pihaknya akan membuat keputusan untuk membahagikan sama rata harta tersebut antara kedua-dua pihak. Manakala, amalan di mahkamah sivil pula tidak akan membahagikan apa-apa aset, kecuali pihak tersebut telah mendaftarkan perkahwinan menurut undang-undang sivil. Tentang harta atau aset yang dimiliki sebelum perkahwinan tetap menjadi milik individu berkenaan tetapi hasil yang diperoleh daripada aset tersebut menjadi aset bersama, kecuali ada kontrak yang menyatakan bahawa hasil tersebut milik peribadinya.<sup>94</sup>

Dalam kes *Minah bte Muda lwn Dollah Dereah '@Awed*<sup>95</sup> pihak isteri (plaintif) telah mendakwa Dollah Dereah (defendan) di Mahkamah Kadi Wilayah Pattani berhubung dengan sebidang tanah yang diusahakan bersama. Plaintif dan defendan telah berkahwin mengikut undang-undang Islam dan sama-sama bekerja meneroka sebidang tanah seluas satu Rai tiga Ngan<sup>96</sup> di Kampung Jaha, Wilayah Yala. Hasil perkahwinan tersebut mereka mendapat tiga orang cahaya mata dan berjaya mengusahakan sebidang tanah dengan menanam pokok durian, dokong, rambutan dan buah-buahan lain.

Pada 7 Julai 2543B.E. (2000) pasangan tersebut bercerai dan defendan enggan membahagikan hasil pendapatan daripada tanaman tersebut kepada plaintif. Pihak plaintif meminta kepada mahkamah supaya sumbangannya dihargai, dibahagikan dengan adil dan sama banyak. Setelah diteliti, maka pihak Dato' Yuttitam (Ismail Che') membuat keputusan bahawa defendan (suami) diperintahkan supaya membahagikan hasil pendapatan tersebut sama rata, iaitu setengah seorang, serta defendan bertanggungjawab membayar wang pampasan dan diperintahkan membayar peguam sebanyak seribu Bath (RM100).

93 *Surah al-Baqarah* 1:188 dan *Surah al-Nisa'* 4:32.

94 Mahamatayuding Samah, 2011. "Tuntutan Selepas Perceraian bagi Wanita Islam: Satu Kajian terhadap Amalannya di Tiga Wilayah Selatan Thai". Tesis PhD. Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

95 Kes bernombor 395 atau 635/2001 difailkan di Mahkamah Sivil Pattani.

96 Pengukuran di Malaysia jumlah tersebut hampir dengan satu ekar.

Seterusnya kes *Raji Ibrahim lwn Jawahir Awangkecik*.<sup>97</sup> Dalam kes ini, suami (plaintif) telah mengadu tentang isterinya (defenden) kepada Majlis Agama Islam Wilayah Pattani setelah tidak berjaya berusaha pada peringkat kariah untuk memberikan keterangan yang jujur dan ikhlas. Oleh itu, pihak Majlis Agama Islam Wilayah Pattani mengeluarkan perintah bersurat meminta pihak defendan datang untuk memberikan penjelasan dan keterangan dalam isu yang berbangkit. Jika tidak hadir kes ini akan dibawa ke mahkamah kadi untuk langkah seterusnya. Pihak defendan telah bekerjasama memberikan keterangan dan penjelasan yang berguna terhadap beberapa perkara yang menjadi punca masalah. Antaranya:

1. Tanah bekas rumah di Ternang bernilai 300 000 Bath (RM3000);
2. Kos membina rumah bernilai 30 8000 Bath (RM3080);
3. Kos membeli tanah kebun bernilai 140 000 Bath (RM14 000);
4. Menebus kebun kelapa daripada pergadaian bernilai 5000 Bath (RM500);
5. Bangsal di Kampung Kuwing bernilai 6000 Bath (RM600);
6. Barang-barang di Mekah bernilai 80 000 Bath (RM8000);
7. Wang yang ada pada orang lain bernilai 18 000 Bath (RM1800);
8. Mesin jahit bernilai 20 000 Bath (RM2000);
9. Kebun kelapa di Kuwing bernilai 30 000 Bath (RM3000);
10. Tanah pintu di Serong bernilai 50 000 Bath (RM5000).

Setelah dibicarakan, maka kedua-dua belah pihak bersetuju menyerahkan perkara itu kepada pihak yang Dipertua Majlis Agama Islam Wilayah Pattani untuk menyelesaikannya dan mereka berdua bersetuju membuat keputusan seperti yang berikut:

1. Pihak yang kedua, iaitu isteri sanggup memberikan duit kepada pihak yang pertama (suami) sebanyak 200 000 Bath harga (nilai) harta sepencarian.
2. Tanah kebun di bukit diserahkan kepada pihak yang kedua (isteri).
3. Tanah kebun kelapa di Kampung Kuwing diserahkan kepada pihak yang kedua (isteri).
4. Kereta Toyota Kerisda di Makkah dan mesin jahit diserahkan kepada pihak yang pertama (suami).
5. Rumah dan barang di dalamnya seperti mesin jahit dan tapak rumah sebanyak 1/3 diberi kepada tiga orang anak, manakala 2/3 lagi diberikan kepada pihak yang kedua (isteri).
6. Tanah pintu di Kampung Serong diberikan kepada pihak yang pertama (suami).

Kedua-dua belah pihak mengakui bahawa isi kandungan surat persetujuan

97 Kes bernombor (05)06 2552 (2009) difailkan di Majlis Agama Islam Wilayah Pattani.

tersebut benar dengan kehendak mereka berdua dan seterusnya bersetuju menurunkan tanda tangan di hadapan dua orang saksi untuk dijadikan bukti. Kes ini telah diselesaikan melalui persetujuan bersama dengan membahagikan harta yang dipertikaikan kepada suami, isteri dan juga anak-anak. Oleh sebab penyelesaiannya merupakan persetujuan bersama dan diakui oleh kedua-dua pihak, maka tiada pertikaian lain yang timbul daripada kes ini.

Dalam kes *Misyah binti Haji Muhammad Lazim lwn Ismail bin Haji Waleh*<sup>98</sup>, plaintif menuntut Majlis Agama Islam Wilayah Yala supaya membahagikan harta peninggalan suaminya Ismail bin Haji Waleh (defendan) dan harta sepencarian, iaitu sebuah rumah (kongsi) bernilai 1 000 000 Bath (RM100 000), perkakas rumah atau perabot dan motokar bernilai 330 500 Bath (RM3350), wang yang diberikan oleh Nai Amphor (Ketua Daerah) bernilai 200 000 Bath (RM20 000), wang Patna Sangkum (kebajikan masyarakat) sebanyak 6000 Bath (RM600), wang Sataranaksuk (Badan Kesihatan) sebanyak 600 000 Bath (RM60 000), OBOTO (Pejabat Pentadbiran Kampung) sebanyak 20 000 Bath (RM2000) dan wang hasil perkongsian saham sebanyak 60 000 Bath (RM6000), wang perakan (insurans) sebanyak 100 000 Bath (RM10 000). Dengan demikian, pihak Majlis Agama Islam bertanggungjawab memastikan segala masalah itu diselesaikan secara adil bagi semua pihak. Kes ini dihadiri oleh Haji Waleh bin Lateh, Ramelah binti Haji Chemat, Anita binti Haji Ismail, Yatawi binti Haji Ismail dan Haji Zakaria selaku Khatib Mukim 3 Kabang, wilayah Yala. Keputusannya diadili oleh Ustaz Abd. Aziz bin Che'teh selaku pegawai rayuan dan Pembahagi Pusaka Wilayah Yala seperti yang berikut:

1. Harga sebuah rumah yang dikongsi bernilai 500 000 Bath (RM50 000).
2. Perkakas rumah dan perabot serta motokar bernilai 165 250 Bath (RM16 650).
3. Hasil kewangan daripada Amphor, Patna Sangkum, Sataranaksuk dan Oboto bernilai 300 000 Bath (RM30 000).
4. Hasil kewangan daripada saham bernilai 30 000 Bath (RM3000).  
pihak isteri mendapat jumlah penuh daripada insurans yang bernilai 1 000 000 Bath RM100 000 kerana penamaan dibuat atas nama isteri untuk mewarisi insurans tersebut.

Seterusnya surat tanah yang masih ada di bank akan diserahkan oleh plaintif (isteri) kepada Majlis Agama Islam Wilayah Yala sebagai penjaga sementara dan kemudiannya akan diberikan kepada tuan yang empunya

98 Kes difailkan tanpa rekod pada 24 Januari B.E. 2553 (2010) di Majlis Agama Islam Wilayah Yala.

pada masa akan datang. Pembahagian ini dipersetujui oleh waris yang hadir dalam sidang pembahagian harta tersebut.

Keputusan yang dibuat oleh Dato' Yuttitam dan Majlis Agama Islam Wilayah dalam kes harta sepencarian menepati konsep keadilan kerana harta dibahagikan sama rata antara suami dengan isteri. Dalam konteks ini, Syeikh Ahmad bin Muhammad Zayn bin Mustafa al-Fatani menegaskan bahawa:

“Maka tiada harus terasing oleh salah seorang daripada kedua-duanya dengan *tasaruf* padanya dan apabila mati salah seorang daripada kedua-duanya, maka tidak dapat tiada daripada berbahagi antara kedua-duanya”.<sup>99</sup>

## KESIMPULAN

Undang-undang Keluarga Islam Thailand telah menjamin hak wanita sejak mendirikan perkahwinan antara suami dan isteri, bahkan hak tersebut terus diperkukuh selepas berlaku perceraian seperti hak material dan hak bukan material seperti mutaah, nafkah idah, mahar dan hadanah. Tuntutan tersebut boleh dibuat melalui Majlis Agama Islam Wilayah masing-masing dan mahkamah kadi melalui peruntukan Pemakaian Undang-undang Islam di Pattani, Yala, Narathiwat dan Setul tahun 1946. Manakala, kadi (Dato' Yuttitam) memutuskan bahawa harta sepencarian perlu diagihkan sama rata, iaitu satu perdua setiap seorang dengan satu perdua. Walau bagaimanapun, tuntutan hak tersebut di mahkamah perlu disertai dengan bukti yang kukuh supaya keputusannya berpihak kepada wanita dan begitulah sebaliknya. Secara umumnya, peruntukan undang-undang yang terdapat dalam akta ini mempunyai persamaan dengan peruntukan undang-undang negara jiran seperti Malaysia dan Indonesia.

## RUJUKAN

‘Abdullah al-Bustāniy, t.th. *Al-Bustāniy Mu’jam al-Lughawiy*. Jilid 2. Lubnan: al-Taba’at al-Thaniyah, hlm. 1333.

Abd. Rahman Muhammad bin Sulaiman al-Kalibuliy, 1998. *Majma’ a al-Anhār fi Syarḥ Multaqa al-Abhar*. Jilid 1. Beirut: Dār Ihyā’ al-Kutub al-’Arabiyyah, hlm. 166.

Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984.

al-Dusuqiyy, t.th. *Al-Sharḥ al-Kabir*. Jilid 2. Beirut: Dār Ihyā’ al-Kutub al-’Arabiyyah, hlm. 526.

al-Syarbiniy, 1958. *Mughni al-Muḥtāj*. Jilid 3. Al-Qaherah: Matba’ah Mustafa

- al-Halabiy, hlm. 452.
- Al-Mu'jam al-Wasīṭ*. Jilid. 2, hlm. 896.
- Al-Mu'jam al-Wajīz*, hlm. 593.
- Azhar Abd. Aziz, 2012. “Amalan Perkongsian Pendapatan antara Suami Isteri dalam Keluarga Islam di Malaysia: Analisis terhadap Sumbangan Isteri Bekerja dalam Perbelanjaan Rumah Tangga”. Tesis PhD. Universiti Malaya, hlm. 266.
- Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Johor) 1990 seksyen 2.
- Fail Majlis Agama Islam Wilayah Pattani, Yala dan Narathiwat Tahun 2009.
- Faudzinaim Badaruddin, “Syeikh Daud al-Fatani: Riwayat Hidup Pendidikan dan Karya-karyanya” dlm. *Al-Maw'zah*. Jilid 7, hlm. 37, 1999.
- Haji Abdulrahman Ahmad Lidong, Yang Dipertua Majlis Agama Islam Yala. Temu bual pada 9 Julai 2009.
- Haji Ahmad Wan Lembut, Timbalan Yang Dipertua Majlis Agama Islam Pattani. Temu bual pada 6 Jun 2007.
- Haji Ahmad Wan Lembut, Timbalan Yang Dipertua Majlis Agama Islam Wilayah Pattani. Temu bual pada 6 Jun 2008.
- Haji Mustafa Leange, Naib Yang Dipertua Majlis Agama Islam Wilayah Narathiwat. Temu bual pada 6 Ogos 2010.
- Hooker, M. B., 1984. *Islamic Law in South East Asia*. Singapura: Oxford University Press.
- Ibn 'Abidin, 1994. *Rad al-Muhtār 'ala al-Dur al-Muhtār*. Jilid 5. Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, hlm. 277.
- Ismail Che' dan Abd. Aziz Apirat, Dato' Yuttitam Wilayah Pattani. Temu bual pada 22 Mei 2009.
- Jamāl al-Din Muhammad bin Mukram, t.th. *Lisān al-'Arab*. Jilid 11, hlm. 635–36.
- Kes bernombor (04) 068/2551 (2008) difailkan di Majlis Agama Islam Pattani.
- Kes bernombor (05) 021/2553 (2010) difailkan di Majlis Agama Islam Pattani.
- Kes bernombor 0613/2552 (2009) difailkan di Majlis Agama Islam Yala.
- Kes bernombor 09/2553 (2010) difailkan di Majlis Agama Islam Wilayah Narathiwat.
- Kes bernombor 111/13 difailkan di Mahkamah Pattani.
- Kes bernombor 152/2545(2002) difailkan di Mahkamah Kadi Pattani.
- Kes bernombor 215/2544 (2001) difailkan di Mahkamah Yala.
- Kes bernombor 288/2542 (1999) difailkan di Mahkamah Pattani.



- Kes difailkan tanpa rekod pada 24 Januari B.E. 2553 (2010) di Majlis Agama Islam Wilayah Yala.
- Kompilasi Hukum Islam (KHI) fasal 1(j).
- Lak Kodmai Islam (Asas Undang-undang Islam).
- Likhit Tera'wekin, 1977. *Wiwatnakarn karn Muang*. Bangkok: Samnakfim Mahawityalai Tammasat, hlm. 138–39.
- Majlis Agama Islam Wilayah Narathiwat, Kes Taklik, Fail No.: 93/1992.
- Muhammad 'Uqlah, 1983. *Nizām al-Ushrah fi al-Isla*. 'Ammān: Maktabah al-Risālah al-Hadithah, hlm. 56.
- Muhammad Khatib al-Syabiniy, t.th. *Mughni al-Muhtāj*. Jilid 3. Al-Qāhirah: Dār al-Fikr, hlm. 425.
- Muhyi al-Din Yahya bin Syaraf al-Nawawiy, t.th. *Al-Majmu'*. Jilid 16. Mawqi' ya'sūb: Maktabah Masjid al-Nabawiy al-Syarif, hlm. 387 melalui www.mktaba.org (Capaian pada 10 April 2016).
- Nadzim Abdulrahman, 1983. "Cara-cara Pengendalian Harta Sepencarian di Mahkamah-mahkamah". Kertas kerja dalam Seminar Fara'id Peringkat Kebangsaan. Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, UKM.
- Scupin, Raymond, "The Politics of Islamic Reformism in Thailand" dlm. *Asian Survey* 20:12, hlm. 1223-235, 12 Disember 1980.
- Seksyen 17 Egyptian Family Law (Maintenance), hlm. 1920–929.
- Seksyen 7 Provisions of Sudanese Circulars No. 41 of 1935.
- Sheikh Ahmad bin Muhammad Zayn bin Mustafa al-Fatani, 1377H; Jamāl al-Din Muhammad bin Mukram, t.th. *Lisān al-'Arab*. Jilid 11, hlm. 114.
- Zaleha Kamaruddin dan Raihanah Abdullah, 2002. *Kamus Istilah Undang-undang Keluarga Islam*. Kuala Lumpur: Zebra Edition Sdn. Bhd., hlm. 104.